

Jiwa Didikan Madrasah

“Yang penting sekarang ini ialah kegiatan umat Islam terhadap pendirian madrasah di mana diajarkan agama itu lebih banyak, mestilah tetap dipelihara. Jiwa agama yang mendalam, akan diperdapat hanya dalam madrasah tetapi tak usah kita berfikir bahawa madrasah itu mesti tetap berada sistemnya yang kolot seperti dalam masa puluhan dan ratusan tahun yang lampau. Biarkan madrasah itu mengikut aliran zaman... .. asal sahaja ia tidak mengecewakan pendidikan agama kepada rakyat kita.” Demikian kupasan Tamir Jaya, pengarang Islam yang terkenal, dalam karangannya yang berharga ini- P.Q.

(Oleh: Tamir Jaya)

Islam Agama Rakyat

Masyarakat kita ialah masyarakat Islam. Ini tak dapat dimungkiri lagi. Semenjak ratusan tahun yang lalu, agama Islam berkembang dan menjadi agama rakyat di tanah air kita setelah agama Hindu-Buddha dikalahkan pengaruhnya oleh agama suci ini.

Sebagaimana yang diketahui, agama rakyat sebelum masuknya agama Islam ialah agama Hindu-Buddha yang dibawa oleh orang-orang Hindu sampai berkuasa dalam pemerintahan negeri, beratus tahun lamanya pula. Dengan perlahan-perlahan agama Islam terkembang secara menarik hati, hingga akhirnya kekuasaan Hindu dapat dilenyapkan, walaupun tidak dengan sekali gus. Kejadian ini jelas sekali bila kita menyelidiki sejarah perkembangan agama di Tanah Jawa, di mana seluruh Jawa ketika itu dikuasai oleh pemerintahan dan agama Hindu-Buddha, di bawah kekuasaan Majapahit, Pajajaran dan lain-lainnya. Agama Islam dibawa oleh Maulana Malik Ibrahim seorang mubaligh Islam dari Tanah Arab. Adalah dikatakan beliau itu keturunan Nabi Muhammad (SAW). Beliau menyebarkan Islam di Tanah Jawa dalam kurun

yang keempat belas, yang dimulainya di Kerisik (Jawa Timur).

Usahnya itu kemudian dilanjutkan oleh mubaligh Raden Rahmat yang terkenal dengan gelaran Sunan Ampel, juga di Jawa Timur. Seterusnya dapat dicatit penyebaran Islam yang dilakukan oleh Raden Fatah, Putera Raja Majapahit sendiri. Sedikit demi sedikit agama Islam tersiar, dan sampailah memasuki daerah keratuan kerajaan Majapahit sendiri. Banyak orang-orang besar keratuan yang menjadi pengikut Raden Fatah, akhirnya kekuasaan Majapahit sendiri dapat dilenyapkan. Di atas runtuhannya kekuasaan Hindu itu, Raden Fatah telah mendirikan kekuasaan Islam yang besar di Kota Demak pada tahun 1510. Ada pun sisa-sisa kekuasaan Hindu yang tiada sanggup hidup di Pulau Jawa lagi, berpindahlah dia ke daerah kekuasaan Pajajaran di Jawa Barat yang berpusat di Benteng dan Pulau Bali. Kekuasaan Hindu di Pajajaran itupun akhirnya dapat pula dikalahkan oleh Islam yang dibawa oleh “Sunan Gunung Jati” dan kemudian digantikan oleh kerajaan Islam di bawah perintah Sultan Hasanuddin putera Sunan Gunung Jati sendiri. Demikianlah terus menerus Islam berkembang dengan deras di sekitar Jawa

Barat sampai ke Cirebon dan lainnya.

Ada pun kaum perpindahan kerajaan Majapahit ke Pulau Bali, sampai sekarang masih dapat berdiri, tidak dapat ditaklukkan oleh agama Islam. Inilah yang sekarang terkenal dengan nama agama Hindu Bali di Pulau Bali.

Di Sumatera, agama Islam lebih dahulu masuknya dari di pulau-pulau di tanah air kita. Islam telah menyeberang dari Tanah Arab ke timur dalam kurun yang kedua belas. Suatu sejarah yang lain mengatakan, bahawa masuknya agama Islam ke Sumatera jauh lebih dari itu. Iaitu dalam kurun yang kedua Hijrah kira-kira dua kurun sesudah Islam disiarkan oleh Nabi Muhammad (SAW) di Tanah Arab. (Bahkan menurut satu riwayat yang sedang diselidiki akan sah tidaknya, bahawa agama Islam telah tersiar di Semenanjung Tanah Melayu dan di Sumatera ialah dalam zaman Sayyidina ‘Uthmān (RA), khalifah Islam yang ketiga, iaitu kira-kira dua puluh tahun kemudian daripada Junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) wafat –P.Q.).

Sudahlah nyata bahawa Pulau Sumatera jauh lebih dahulu mendapat anugerah agama suci ini dibandingkan dengan pulau-pulau lain di tanah air kita. Kerana itu tidak hairan kalau Aceh, Panti yang pertama kali di datangi Islam itu, pertama kali pula mendirikan kerajaan Islam. Yang membawa Islam ke Aceh itu, khabarnya saudagar Arab yang bernama Syeikh Abdulla ‘Arif seorang saudagar pada tahun 1151. Kerajaan Islam yang pertama di sana ialah di bawah perintah Sultan Johan Syah yang telah terdiri semenjak tahun 1205M.

Dari Aceh ini, menjalarlah agama Islam itu ke pesisir Pulau Sumatera yang dilakukan oleh Syeikh Burhanuddin berasal dari Periaman, yang hidup (1646-1692). Pada akhirnya beliau menetap di kampung halamannya Periaman, mengembangkan Islam ke seluruh Minangkabau.

Dapat pula dicatat, masuknya agama Islam ke Kalimantan yang dimulai oleh Khatib Diyan, mubaligh utusan istimewa kerajaan Demak di Jawa, dalam masa kekuasaan kerajaan Banjar yang berjakan Raden Samudera dalam kurun keenam belas. Di Banjar pun seperti di Jawa, kekuasaan pemerintah berada di bawah kerajaan Chandi Agung yang berkedudukan di Amuntai. Dengan kekuatan dakyah agama Islam yang dijalankan oleh Khatib Diyan itu akhirnya penduduk Banjar Masin memeluk agama Islam dan Raja Banjar- Raden Samudera- Raja yang akhir sekali dari kerajaan “Chandi Agung” yang Hindu itu telah memeluk Islam dan mengisytiharkan kerajaannya menjadi kerajaan Islam. Bagindalah yang digelar dengan nama Sultan Soerian Shah. Semenjak itulah Kalimantan Selatan berdiri kerajaan Banjar (Islam) yang terkenal sampai beratus-ratus tahun lamanya. Sultan yang akhir dari kerajaan ini ialah Sultan Tamjid yang berpihak kepada Belanda dan menjual kerajaannya kepada Belanda dan ditentang dengan hebat oleh Pangeran Hidayat, orang sebenarnya berhak menjadi Raja ketika itu menurut wasiyat Sultan Adam.

Di Sulawesi (Pulau Bugis), Islam juga telah menjadi agama rakyat semenjak beratus-ratus tahun yang lalu hingga hari ini. Agama Islam telah disiarkan di sana oleh tiga orang yang berasal dari Minangkabau, iaitu, Khatib Tunggal, Khatib Bongsu dan Khatib Sulaiman dalam tahun 1615.

Orang yang mula-mula menerima agama Islam ialah Raja Luwu (Luwu), yang kemudian sesudah Islamnya bergelar Sultan Baharuddin, lalu diikuti oleh Raja Gowa (Gowa) yang kemudiannya bergelar Sultan ‘Alauddin. Setelah itu Raja Tallo (Tallo) pula memeluk Islam lalu bergelar Sultan “Abdullah Awal Islam”. Dengan usaha penyiaran agama yang dimulai oleh tiga orang

mubaligh (dari Minangkabau) itu, maka seluruh penduduk Sulawesi Selatan memeluk Islam. Kerajaan yang berkuasa di daerah itu, ialah di bawah perintah Raja-raja Islam.

Demikianlah secara ringkas, perjalanan sejarah yang telah berlaku di tanah air kita dalam rangka suci perkembangan agama Islam, sehingga akhirnya agama suci ini menjadi agama rakyat yang terbanyak. Walaupun bekas-bekas agama Hindu masih terdapat di dalam jiwa bangsa kita, namun demikian satu hal yang sudah pasti, ialah Islam telah menguasai segenap peri hidup dan kehidupan bangsa kita di mana-mana.

Walaupun kerajaan-kerajaan Islam itu, semenjak digantikan oleh kekuasaan Belanda seluruh Indonesia, lahirnya sudah tidak ada lagi, tetapi perkaitannya, umat Indonesia yang berpuluh juta itu masih teguh di dalam agamanya. Ajaran Islam tetap melekat dapat dengan jiwa rakyat Indonesia. Walaupun ke Indonesia telah masuk agama-agama lain, Kristian dan masih tinggal pemeluk agama Hindu-Buddha di Bali, begitu pun ajaran-ajaran baharu merupakan gerakan anti-Tuhan atau kaum tidak beragama, namun masih di lapan puluh lima peratus dari seluruh penduduk Indonesia menganut agama Islam, sampai sekarang.

Madrasah-Pondok

Adapun cara dan sistem yang dilakukan oleh mubaligh-mubaligh Islam menyiarkan agama ini, ialah dengan mengadakan madrasah dan pesantren (pondok). Inilah langkah pertama yang diambil oleh mereka untuk mengembangkan agama, dan ini juga yang diambil untuk menebalkan jiwa agama itu di dalam diri tiap-tiap kanak-kanak.

Cara lain, ialah dengan jalan berpidato di hadapan orang ramai. Akan tetapi cara yang begini baharu berlaku setelah melalui beberapa zaman kemudian.

Cara inipun tidak begitu mendalam dirasakan

oleh penduduk. Agama Islam lebih meresap ke dalam jiwa rakyat ialah dengan jalan adanya pondok dan madrasah itu. Demikianlah yang telah dilakukan oleh mubaligh-mubaligh Islam yang terdahulu itu.

Pondok yang pertama didirikan di Indonesia ini dibangunkan oleh Maulana Malik Ibrahim di Kerisik. Beliau ini dianggap orang yang pertama mendirikan pondok di Indonesia. Di dalam pondoknya inilah penduduk Indonesia mendidik pemuda-pemuda untuk menjadi mubaligh, sehingga akhirnya penyebaran agama Islam dapat dijalankan bersama-sama oleh mubaligh keluaran pondok itu.

Raden Rahmat membuat pondok (madrasah) di Ampel, Sunan Giri membuat pondok di Kerisik, Sunan Kudus di Kudus, Sunan Muria Pada di Gunung Muria, Sunan Drajat di Sedayu, Sunan Kalijaga di Jawa Tengah (Demak), Burhanuddin dengan madrasahnyanya di "Awalakan". Pendeknya di mana sahaja mubaligh-mubaligh Islam bekerja menjalankan agama itu pertama kali ialah dengan sistem pondok dan surau. Dari surau inilah cahaya Islam ini dipancarkan oleh alim ulama dan ahli tabligh.

Hal ini, tidak sahaja berlaku dalam beratus-ratus tahun yang lalu, tetapi lama sesudahnya, sistem madrasah ini jugalah suatu alat yang laku terus menerus bahkan yang lebih praktis tempat mendidik kanak-kanak dan pemuda-pemuda, walaupun sekarang telah berubah keadaan bagitu rupa. Yakni dengan berdirinya sekolah-sekolah baharu dari berbagai-bagai tingkat dan corak, namun sistem pondok dan madrasah ini belum dapat ditindih dan sampai sekarang masih berjalan di negeri kita. Masih ada orang-orang yang memuja sistem ini, sekalipun jumlahnya sudah sedikit. Yang berkembang sekarang ialah sekolah-sekolah yang diatur secara baharu, dengan bangku, meja, papan hitam dan buku-buku karangan dan ciptaan baharu.

Untuk jiwa agama yang sebenarnya kemajuan zaman yang

berkembang sekarang dalam dunia pendidikan, belumlah begitu banyak memberi isi.

Kita melihat pada waktu yang lalu sewaktu masih bersemarak sistem pondok di mana-mana, maka jiwa agama jauh lebih kuat daripada dibandingkan yang diterima di dalam sekolah-sekolah model sekarang.

Sistem Surau

Belajar agama dalamnya tidak teratur, murid-murid duduk bersila melingkari guru yang duduk di tengah, cara mereka berpakaian tidak teratur, umumnya selain baju, dipakainya sarung dan songkok.

Guru dengan herdik mengajar muridnya, kadang-kadang dengan rotan di tangan. Tiap-tiap murid mesti tunduk kepada peraturan yang dibuat oleh guru itu sendiri.

Yang berkuasa sepenuhnya ialah guru. Masa itu tidak ada pengurus persekolahan seperti sekarang. Seorang ibu atau bapa yang menyerahkan anaknya kepada seorang guru, membawa bingkisan berupa beras, ayam dan barang-barang lain, kadang-kadang rotan juga. Itulah untuk diterima jadi murid di pesantren (di pondok) itu. Kepada guru diserahkan anak itu sebulat-bulatnya.

Diceritakan oleh Abdullah bin Abdul Kahar Munsyi, suatu cerita yang mewarnakan hati, waktu ia diserahkan ibunya kepada seorang guru mengaji. Si ibu mengatakan kepada di guru: "Asal matanya tidak dicungkil, kaki dan tangan tidak dipatahkan, tuan guru boleh perlakukan anak saya semahu hati, asal ia dapat mengaji!"

Sampai demikian tulus ikhlas seorang ibu menyerahkan anaknya untuk menjadi seorang yang beragama.

Tetapi kerana kerasnya peraturan-peraturan itulah, kita mendapat hasil-hasil yang baik sekali dalam pendidikan keagamaan anak-anak kita ketika itu.

Murid-murid yang tidak sembahyang dihukum berat oleh

guru. Demikian juga pelanggaran-pelanggaran lainnya. Inilah yang menyebabkan kuatnya jiwa agama bagi pondok bangsa kita. Pelajaran yang pertama yang diberikan, ialah belajar membaca huruf Quran iaitu alif ba ta (muqaddam dan juzuk 'amma-P) kemudian dilanjutkan dengan belajar membaca quran serta lagunya. Kemudian baharulah meningkat ke ilmu alat, yakni ilmu nahu dan saraf, kemudian feqah tauhid, tafsir, usul feqah dan seterusnya.

Sesudah bertahun-tahun belajar dengan aturan-aturan yang keras itu, baharulah si murid dipercayakan menjadi guru penolong, mengajar murid-murid darjah rendah. Kemudian membuka madrasah sendiri di kampung halaman. Pada masa itu tidak di kenal soal wang sekolah. Yang di kenal ialah yuran mingguan. Guru tidak digaji secara rasmi. Hasilnya ialah dari sedekah (yuran) itulah.

Tak ada sistem daftar pelajaran, markah kenaikan dan sebagainya. Murid-murid yang belajar, kadang-kadang datang dari jauh, dari luar kampung. Mereka datang pada umumnya tidak dibekali oleh orang tua setiap bulan. Mereka hidup sendiri dengan jalan meminta bantuan keliling kampung. Pergaulan yang berlaku di kampung-kampung begitu baniknya, hingga tiap-tiap pelajar ketika itu bernama "Faqih", apabila meminta beras sentiasa berhasil.

Cara mengajar yang dilakukan oleh guru-guru agama ketika itu, sentiasa dilakukan secara yang semudah-mudahnya. Jiwa rakyat diselaminya hingga dengan mudah agama dapat dimasukkan ke dalam jiwa mereka. Anasir-anasir kehinduan dan kebuddhaan yang masih melekat di hati rakyat, apalagi anasir animisme, percaya hantu dapat diusir dengan perlahan-perlahan. Bangsa kita semenjak dahulu, adalah bangsa yang amat suka kepada kegembiraan, tontonan dan nyanyian. Islam diajarkan adalah mengikuti kesukaan ini. Murid-murid diajar bernyanyi, bahkan pelajaran-pelajaran itu dimasukkan dengan nyanyi dan lagu. Sampai sekarang

kesukaan bangsa kita bila memperingati Maulid Nabi dengan tegak berdiri menyanyikan marhaban, berzanji, yang diikuti pula oleh barisan rebana. di Minangkabau masih dapat dilihat adat ini di kampung-kampung, tetapi sudah dianggap kolot. Di Aceh terkenal lagu “Sedati” yang berasal dari perkataan “*Sādātī*”. Di Banjar Masin terkenal lagu “*mādīhīn*” dari perkataan “*madah*” (pujian). Di Jawa kita kenal nama-nama dan istilah-istilah yang telah disesuaikan dengan Islam oleh mubaligh-mubaligh dahulu. Misalnya perkataan “baju taqwa” di Jawa tengah (Jogja) yang dimabil dari bunyi ayat: “*walibās at-taqwa, khairul lakum*”. Ada istilah “*sakātīn*” dari kalimah “*shahatīn*”, perkataan “sunan” dari perkataan “sunat” nama-nama bulan Jawa ditukar dengan nama bulan Arab. Pendeknya yang berkecil-kecil itu sentiasa menjadi perhatian mubaligh-mubaligh Islam dan guru-guru agama zaman dahulu, sehingga sampai sekarang telah menjadi kebudayaan bangsa kita seluruhnya.

Mengenai susunan pemerintahan pun, sampai sekarang kita melihat cara-cara penyesuaian secara Islam yang asli dilakukan oleh mubaligh-mubaligh dan ketua-ketua agama. Di seluruh tanah Jawa kita melihat sampai sekarang, bagaimana tiap-tiap pejabat pemerintah (kecamatan, kewedanaan, kecamatan bahkan kelurahan) haruslah berdekatan letaknya dengan masjid dan kedua-duanya menghadapi sebuah alun-aluan (tanah lapang) yang di tengahnya hidup sebatang pohon beringin yang rendah. Ini menunjukkan pasti bahawa agama dan pemerintahan tidak boleh jauh berpisah. Kedua perkara ini mestilah selamanya berdampingan rapat untuk kepentingan umat seluruhnya. Tiap-tiap sesuatu yang mengenai rakyat mestilah dilakukan dengan mesyuarat yang dilakukan di hadapan pejabat pemerintahan dan masjid itu (alun-alun). Sampai begini susunan itu dilakukan hingga menjadi kebudayaan bangsa kita pula. Di Minangkabau,

kita mengenal pepatah yang berbunyi: “Tali berpilin tiga”. Maksudnya dalam susunan masyarakat Minangkabau haruslah sentiasa berpandukan kepada tali yang berpilin tiga,, yakni agama, undang-undang dan adat istiadat. Di daerah itu tiga sekawan ini mestilah selamanya bersatu: agama, undang-undang (pemerintah) dan adat istiadat.

Pendidikan semacam ini, dasarnya ialah dari surau, madrasah dan pondok. Keyakinan agama yang diperoleh dari surau ini tak mudah dibongkar oleh siapa-siapa pun juga.

Yang penting sekarang ini, ialah kegiatan umat Islam terhadap pendirian madrasah dan pesantren itu di mana diajarkan agama yang mendalam, akan diperdapat hanya dalam madrasah. Tetapi tak usah kita berfikir bahawa madrasah itu mesti tetap berada sistemnya yang kolot seperti dalam masa puluhan dan ratusan yang lampau. Tetapi biarkan madrasah itu mengikut aliran zaman, biarkan pesantren itu berjalan dengan pakaian dan lagak baharu, asal sahaja ia tidak mengecewakan pendidikan agama kepada rakyat kita.

Wakil presiden Hatta pernah membayangkan di dalam pidatonya dalam masa pembukaan Perguruan Tinggi Islam di Jakarta dalam tahun 1945 tentang jasa surau dan pondok sebagai satu sumber pendidikan agama yang penuh bererti bagi perkembangan jiwa agama itu. Surau dan pondok diakui adalah menjadi tiang seri bagi tegak dan pertahanan agama ini dari segala jenis serangan dan halangan.

Kita tutup tulisan ini sementara, walaupun sekarang kita telah meningkat dalam pelajaran agama kepada adanya sekolah-sekolah dari yang rendah kepada universitinya, tetapi pengaruh jiwa yang baik dari pondok dan madrasah pada masa yang sudah itu, tidak dapat kita lepaskan atau biarkan begitu sahaja dari perhatian kita. -Dari “Dunia Madrasah” Jakarta.